

Headline	Tijani : Projek kediaman mewah pertama di Kota Bharu
Media Title	Utusan Malaysia
Date	24 April 2015
Section	Bisnes
Language	Bisnes/Korporat
Frequency	Daily

Tijani: projek kediaman mewah pertama di Kota Bharu

24 April 2015 1:15 AM



SLUG TIJANI RAJA DEWAKOTA BHARU 22 April 2015 - Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan, Mejari (B) Datuk Md. Anizam Abdul Rahman (tengah) berkata sesuatu kepada Pengurus Eksekutif Dexview Sdn. Bhd., Tan Sri Azman Yahya (dua kanan) pada Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Tijani Raja Dewa, di sini, hari ini. Gambar : Wahidin Salim Pemberita : Siti Nurazlina Jamaludin (Utusan)



Headline	Tijani Raja Dewa bina kediaman eksklusif
Media Title	Sinar Harian (Kelantan)
Date	23 April 2015
Section	Kelantan (Advertorial)
Language	Malay
Frequency	Regional Daily

36 Sinar Harian • Khamis 23 April 2015

KELANTAN

HUBUNGAN SUKUAD KOTA BHARU
ROSALWANI CHE SOH - 019 939 1032

ADVERTORIAL

Tijani Raja Dewa bina kediaman eksklusif

KOTA BHARU – Buat julung kalinya Dexview Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama Symphony dan Euro Saga bakal memperkenalkan rakyat Kelantan dengan konsep perumahan berprestij dan moden prima yang pertama di negeri ini.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Azman Yahya berkata, Tijani Raja Dewa melibatkan projek dua fasa di atas tanah seluas 15 ekar di persekitaran Jalan Raja Dewa.

"Pembinaan fasa pertama akan bermula melibatkan tanah seluas 7.4 ekar dan menawarkan 16 unit rumah berkembar tiga tingkat, 41 unit rumah teres superlink tiga tingkat dan 150 unit kondominium mewah. Manakala fasa kedua pula kita akan bangunkan mungkin dua tahun lagi melibatkan lapan ekar tanah dan kini pihak kami masih lagi dalam perancangan bagi menentukan jenis pembangunan yang akan dibina," katanya kepada media pada Majlis Perasmian 'dan Pecah Tanah' Tijani Raja Dewa, semalam.

Turut hadir, exco kerajaan negeri, Datuk Md Anizam Abd Rahman mewakili Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakob, Setiausaha



Azman (kanan) menunjukkan rumah contoh kepada Md Anizam dan Mohd Faudzi di galeri contoh Tijani Raja Dewa, semalam.

Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Faudzi Che Mamat dan Pengarah Dexview Sdn Bhd, Datuk Justin Soo.

Menurutnya, Symphony menggunakan jenama Tijani ini sejak tahun 2001 lagi untuk pembangunan eksklusif pertama yang dikenali sebagai 'The Tijani' yang terletak di Bukit Tunku,

Kuala Lumpur dan diikuti pula dengan Tijani North dan Tijani South atau lebih dikenali sebagai Kenny Hills.

Beliau juga memberitahu, Ukay Perdana juga turut dipilih untuk projek Tijani Ukay yang mana telah dilancarkan pada tahun 2012 dan selepas Tijani Raja Dewa, pihaknya akan

meneruskan lagi legasi pembangunan mewah Tijani iaitu Tijani Signal Hill di Kota Kinabalu, tahun depan.

"Perkataan Tijani ini kami pilih kerana ia selaras dengan pembangunan jenama yang kami perkenalkan dan perkataan tersebut diambil dari bahasa Arab iaitu bermaksud 'makhota', khusus untuk pembangunan premium dan eksklusif kami," katanya.


Azman berkata, sehingga kini pihaknya menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada seluruh rakyat negeri Kelantan, malah anak jati Kelantan itu juga berharap pembangunan moden pertama di Kelantan itu dapat memberi manfaat kepada seluruh rakyat yang berimpian kediaman sebagaimana yang ditawarkan.

"Selain itu, kami turut mengadakan beberapa program tanggungjawab sosial korporat atau CSR yang dilaksanakan di sekitar Kota Bharu. Ia termasuk bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) untuk mengindahkan lagi bulatan Jam Besar yang kini terletak di tengah-tengah bandar," katanya.

Headline	Tijani : Projek kediaman mewah pertama di Kota Bharu
Media Title	Utusan Malaysia
Date	24 April 2015
Section	Bisnes
Language	Bisnes/Korporat
Frequency	Daily

Tijani: projek kediaman mewah pertama di Kota Bharu

24 April 2015 1:15 AM

 0  2  0 



SLUG TIJANI RAJA DEWAKOTA BHARU 22 April 2015 - Pengurus Eksekutif Dexview Sdn. Bhd., Tan Sri Azman Yahya (kiri sekali) memberi penerangan mengenai model skala kecil projek pembangunan Tijani Raja Dewa kepada Pengurus Jawatankuasa Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Negeri Kelantan, Mejar (B) Datuk Md. Anizam Abdul Rahman (tiga kiri) pada Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Tijani Raja Dewa, di sini, hari ini. Gambar : Wahidin Salim Pemberita : Siti Nurazlina Jamaludin (Utusan)



Headline	Tijani : Projek kediaman mewah pertama di Kota Bharu
Media Title	Utusan Malaysia
Date	23 April 2015
Section	Bisnes
Language	Bisnes/Korporat
Frequency	Daily

KOTA BHARU 23 April – Pemaju harta tanah, Dexview Sdn. Bhd. melancarkan projek kediaman eksklusif, Tijani Raja Dewa di Jalan Raja Dewa di sini, dengan nilai pembangunan kasar melebihi RM400 juta.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Azman Yahya (**gambar**) berkata, projek dengan kerjasama Symphony Life Berhad dan Euro Saga Sdn. Bhd. itu melibatkan dua fasa pembangunan di kawasan seluas enam hektar.

"Fasa pertama pembangunan yang dilancarkan hari ini dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM150 juta.



"Sebanyak 16 unit rumah berkembar tiga tingkat, 41 unit rumah teres 'superlink' tiga tingkat dan 150 unit kondominium mewah akan dibina di tanah seluas tiga hektar pada fasa pertama ini," kata beliau.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Perasmian dan Pecah Tanah Tijani Raja Dewa yang disempurnakan Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Warisan dan Pelancongan negeri, Datuk Md. Anizam Ab. Rahman di sini semalam.



Menurut Azman, projek perumahan itu mendapat sambutan menggalakkan daripada orang ramai berikutnya sebanyak 31 unit rumah telah ditempah meskipun sebelum majlis pelancaran tersebut diadakan pada hari ini.

"Lebih membanggakan, 13 daripada 16 unit rumah berkembar tiga tingkat yang bernilai kira-kira RM1.9 juta setiap satu telah dijual. Ini menunjukkan kediaman mewah mula mendapat permintaan di negeri ini," ujarnya.

Ujar Azman, fasa kedua pembinaan akan dibangunkan dalam tempoh dua tahun lagi berikutnya pihaknya masih dalam perancangan untuk menentukan jenis pembangunan yang akan dibina.

Tambah beliau, pihaknya bagaimanapun menjangkakan pembangunan melibatkan pembinaan hotel, servis apartment dan ruang perniagaan di kawasan seluas tiga hektar itu.

Headline	Kondominium mewah ubah lanskap Jalan Raja Dewa
Media Title	Harakah
Date	23 April 2015
Section	Berita
Language	Malay
Frequency	Daily

Kondominium mewah ubah lanskap Jalan Raja Dewa

SALMAH MAT HUSAIN Foto RIZAL TAHIR | 23 April 2015.



KOTA BHARU: Sebuah syarikat sanggup melabur bagi membina 16 unit rumah berkembar tiga tingkat dan 150 unit kondominium mewah.

Projek fasa pertama melibatkan kawasan seluas 7.4 ekar sudah dimulakan, dibangunkan di Jalan Raja Dewa berhadapan kompleks Kota Darulnaim.

Syarikat Dexview Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama Symphony dan Euro Saga membangunkan kediaman mewah yang dikenali Tijani Raja Dewa.

Projek itu dijangka siap dalam tempoh dua tahun lagi bakal mengubah lanskap Jalan Raja Dewa, yang mana sebelum ini menempatkan rumah pegawai kerajaan negeri.

Petang semalam pelancaran projek itu dilakukan anggota Exco kerajaan negeri Mejari (B) Datuk Md Anizam Abdul Rahman menggantikan Menteri Besar Ustaz Datuk Ahmad Yakob.

Headline	Kondominium mewah ubah lanskap Jalan Raja Dewa
Media Title	Harakah
Date	23 April 2015
Section	Berita
Language	Malay
Frequency	Daily

Pengerusi Eksekutif Dexview Sdn Bhd, Tan Sri Azman Yahya berkata beliau mengambil tanggungjawab untuk bersama memajukan Kelantan dengan projek terbabit.

“Sebagai anak kelahiran Kelantan adalah menjadi tanggungjawab saya untuk membangunkan perumahan yang lebih ekslusif bagi rakyat negeri ini,” katanya pada majlis berkenaan.

Katanya juga projek di bawah Tijani dimulakan pada 2001 yang dikenali sebagai The Tijani terletak di Bukit Tunku, Kuala Lumpur.

Hadir sama di majlis berkenaan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohd Faudzi Che Mamat, anggota Exco kerajaan negeri, Dr Ramli Mamat dan Pengarah Dexview Sdn Bhd, Datuk Justin Soo. –

HARAKAH DAILY 23/4/2015